

## **TEKS UCAPAN**

**Y.H. DATO' DR. KAMARUDIN BIN MD. ISA  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

### **SEMPENA**

**PERASMIAN SEMINAR KESEDARAN AWAM MENGENAI PENGGUNAAN  
ANTIBIOTIK DALAM PENTERNAKAN AYAM**

**TARIKH: 30 OGOS 2016**

**TEMPAT: MAKMAL KESIHATAN AWAM VETERINAR, SALAK TINGGI**

**MASA: 10.00 pagi**

---

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam 'Seminar Kesedaran Awam Mengenai Penggunaan Antibiotik Dalam Penternakan Ayam' pada hari ini bagi menambahkan lagi ilmu pengetahuan yang ada dan pada masa yang sama dapat kita mengeratkan silaturrahim, saling memahami fungsi dan keperluan masing-masing.
2. Untuk makluman semua, seminar ini merupakan anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Persekutuan Persatuan Penternak-penternak Malaysia (FLFAM).
3. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada para peserta mengenai;
  - i. keperluan pemberian dan penggunaan antibiotik serta pengurusanannya dalam penternakan ayam
  - ii. Kesan penyalahgunaan pemberian antibiotik dalam ternakan kepada pengguna
4. Di dalam seminar ini juga, isu-isu yang pernah tersebar di media massa mengenai ayam kebal akan juga dikupas untuk kefahaman bersama.
5. Seminar ini mempunyai dua sesi iaitu Sesi Pertama yang telah berjalan semalam 29 Ogos 2016 yang telah dihadiri oleh para penternak, pengilang makanan, Veterinawan Ladang, Malaysian Animal Health and Nutrition Industries Association (MAHNIA) dan juga Penyelaras Unggas Negeri DVS. Manakala Sesi Kedua iaitu pada hari ini diadakan untuk para pengguna.
6. Untuk makluman semua, Jabatan telah memainkan peranan penting dalam memastikan daging ayam adalah bebas residu antibiotik dan antimikrob terintang. Kawalan menyeluruh telah diambil oleh Jabatan bermula daripada tempat pengeluaran makanan ayam, tempat penetasan anak ayam, kesihatan anak ayam, pemeliharaan ayam di ladang, penyembelihan ayam, pemerosesan produk sehinggalah kepada produk siap.

7. Semoga melalui seminar ini, setiap pihak terbabit akan mempunyai sifat tanggungjawab dalam diri bagi mengeluarkan makanan yang berkualiti dan selamat untuk pengguna. Pengguna juga sebagai kuasa besar perlulah mempunyai ilmu untuk memilih dan mendapatkan makanan yang berkualiti dan selamat untuk diri sendiri mahu pun keluarga tersayang. Belilah ayam yang dikeluarkan oleh pengeluar yang berada di bawah pemantauan Jabatan.

8. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan bersama dengan Presiden FLFAM yang mengetuai urusetia seminar ini. Ucapan terima kasih juga kepada Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya, Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti (MKAV), Bahagian Perancangan dan juga Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah sama-sama berusaha untuk menjayakan seminar ini. 9. Ucapan terima kasih juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke seminar ini dan semoga perhubungan seperti ini akan diteruskan dimasa hadapan.

10. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan "Seminar Kesedaran Awam mengenai Penggunaan Antibiotik dalam Penternakan Ayam".

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **MAKLUMAN AM**

1. Mengikut data daripada *The Organisation for Economic Co-Operation and Development* (OECD), penggunaan daging ayam oleh rakyat Malaysia adalah keempat tertinggi di dunia iaitu sebanyak 41.4kg/kapita berbanding dengan negara yang paling tinggi iaitu Israel (57.5kg/kapita), diikuti Amerika Syarikat (47.6kg/kapita) dan Australia (42kg/kapita). Manakala bagi Eropah penggunaannya adalah sebanyak 22.7kg/kapita.
2. Penternakan ayam perlu dijalankan secara intensif bagi menampung permintaan yang tinggi. Sehubungan itu, antibiotik dalam dos yang rendah dan *sub-therapeutic* telah digunakan dalam penternakan ini dan ia telah diperakui memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan kecekapan makanan, menggalakkan pertumbuhan haiwan, serta pencegahan dan kawalan penyakit sejak tahun 1940an lagi.
3. Antibiotik sebagai penggalak tumbesaran digunakan di negara-negara maju seperti di Eropah(EU) dan Amerika Syarikat(USA) dimana ia seiring dengan penternakan ayam secara intensif. Walau bagaimana pun, penggunaan antibiotik secara tidak rasional dan tidak bertanggungjawab boleh menyebabkan rintangan antibiotik dan residu dalam daging.
4. EU dan USA telah mengambil pendekatan berbeza dalam menguruskan antibiotik sebagai penggalak tumbesaran ternakan dimana EU telah mengharamkan sepenuhnya penggunaan antibiotik. Akibat tindakan ini, sebilangan ternakan yang diternak secara intensif, telah diserang penyakit dan memerlukan rawatan. Keadaan ini telah menjurus kepada penggunaan antibiotik yang sangat tinggi dan diluar kebiasaan. Manakala USA mengambil pendekatan yang lebih pragmatik dengan membenarkan penggunaan antibiotik sebagai penggalak pertumbuhan di bawah kod amalan yang ketat.
5. Memandangkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai persekitaran tropika panas, pendekatan yang diambil oleh USA adalah lebih sesuai. Walau bagaimana pun, dengan adanya amalan perladangan ternakan yang baik diharapkan penggunaan antibiotik sebagai penggalak pertumbuhan dapat dikurangkan mengikut peringkat.

### **PERANAN DVS**

6. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah memainkan peranan penting dalam memastikan daging ayam adalah bebas residu antibiotik dan bakteria rintang antibiotik. Kawalan menyeluruh telah diambil oleh Jabatan bermula daripada pengeluaran makanan ayam, pengurusan anak ayam, pemeliharaan ayam di ladang, penyembelihan ayam, pemerosesan produk sehinggalah kepada pensampelan produk siap.
7. DVS secara berterusan menggalakkan pengusaha-pengusaha ladang ayam menerapkan Amalan Perladangan Baik dalam pengurusan ladang supaya kejadian penyakit haiwan dapat dikawal atau diminimumkan sebagai langkah bagi mengurangkan penggunaan antibiotik.

8. Penggunaan antibiotik untuk tujuan rawatan hanya akan diberikan sekiranya terdapat tanda-tanda penyakit pada ternakan. Pemberiannya adalah di bawah pemantauan dan kawal selia oleh Doktor Veterinar.
9. Setiap antibiotik mempunyai tempoh penarikan balik (withdrawal period). Ayam yang diberi rawatan menggunakan antibiotik hanya boleh dijual selepas tempoh penarikan balik (withdrawal period) antibiotik yang digunakan dipatuhi.

### **AKTA MAKANAN HAIWAN 2009**

10. Akta Makanan Haiwan 2009 memberi peruntukan kuasa mengawal cara dan takat antibiotik yang boleh dimasukkan ke dalam makanan haiwan.
11. Pengawasan di kilang makanan haiwan termasuk home mixer secara perundangan melalui pendaftaran premis/kilang makanan haiwan di bawah Akta Makanan Haiwan 2009.
12. Premis/Kilang makanan haiwan yang didapati memiliki antibiotik terlarang boleh didenda tidak melebihi sebanyak RM 100,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.
  - i. Manakala penggunaan antibiotik terlarang ini juga boleh disabitkan dan boleh didakwa di mahkamah, dikenakan denda tidak melebihi sebanyak RM 10,000 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.
  - ii. Premis/Kilang makanan haiwan boleh dibatalkan pendaftarannya sekiranya gagal mematuhi peraturan di bawah Akta Makanan Haiwan 2009

***Disediakan oleh;***

Seksyen Unggas

Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan

Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya

Sebarang pertanyaan Tuan/Puan boleh menghubungi Dr Nor Nazihah binti Ahmad Ruslan di talian 017-3695636 atau [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)